

Tadbir Urus Harta Kanak-kanak Menurut Perspektif Syarak

BITARAVolume 3, Issue 1, 2020: 119-156
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Property Governance Children According to Islamic Perspective]

Rosnani Hussain,¹ Md Yazid Ahmad¹ & Noorsafuan Che Noh²

Abstrak

Golongan kanak-kanak juga berhak memiliki harta walaupun mereka merupakan golongan yang masih kecil, lemah fizikal dan mental untuk mentadbir harta. Kelayakan kanak-kanak untuk menerima dan melaksanakan tuntutan syarak khususnya dalam perkara muamalah dibahagikan mengikut kategori kanak-kanak iaitu bermula dari peringkat janin dalam kandungan, bayi yang baru dilahirkan, kanak-kanak yang mumayyiz dan kanak-kanak yang telah baligh. Bagi kanak-kanak yang tidak mampu melaksanakan tuntutan syarak dalam urusan muamalah kerana faktor di atas, maka pengurusan harta kanak-kanak ini perlu ditadbir oleh wali atau wasi yang berkeelayakan menurut syarak. Sejalan dengan itu, objektif penulisan ini adalah untuk membincangkan tadbir urus harta kanak-kanak menurut perspektif syarak bagi menjamin dan memelihara kebajikan mereka. Kajian kualitatif berdasarkan kajian analisis kandungan ini menggunakan pendekatan kaedah analisis dokumen dalam proses pengumpulan data. Maklumat dan data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menjelaskan bahawa pihak yang diberi tanggungjawab mengurus dan mentadbir harta kanak-kanak perlu mengikut kaedah pelaksanaan tadbir urus berlandaskan syariat Islam, kerana ia mampu menjaga kemaslahatan kanak-kanak tersebut dan hartanya daripada dieksploitasi dan dimanipulasi oleh pihak lain.

Kata Kunci

Tadbir Urus Harta, Kanak-kanak, Kelayakan, Syarak

Abstract

The children also have the right to own property even if they are the young, the weak physically and mentally to administer the estate. Qualifying children to accept and carry out the demands of legislation in particular in the matter muamalah divided according to category of children, starting from the stage of fetus, newborn babies, children mumayyiz and children who have reached puberty. For children who are unable to perform the demands of legislation in Islamic affairs because of the above factors, the management of the property of these children should be administered by qualified trustee or executor in accordance with Islamic law. Accordingly, the objective of this paper is to discuss the governance of property of children according to Islamic perspective to secure and maintain their welfare. A qualitative study based on content analysis study using this approach in the process of document analysis method of data collection. Information and data were analyzed descriptively. This study clarifies that the parties are given the responsibility to manage and administer the property of the child must follow the methods of implementation of governance based on Islamic law, as it is

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

² Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

Corresponding Author:

Yazid Ahmad, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA.
E-mail: yazid@ukm.edu.my

able to maintain the benefit of the child and his property from being exploited and manipulated by others..

Keywords:

Property Governance, Child, Qualification, Islamic

Cite This Article:

Rosnani Hussain, Md Yazid Ahmad & Noorsafuan Che Noh. 2020. Tadbir urus harta kanak-kanak menurut perspektif Syarak. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 3(1): 145-156.

Pengenalan

Pengurusan harta dalam Islam merupakan amanah daripada Allah SWT. Ia merupakan keperluan untuk mencapai kehidupan yang diberkati. Oleh itu, Islam telah menganjurkan umatnya supaya berusaha memiliki harta kekayaan secara halal dan diredhai selama mana ia selari dengan kehendak Islam bagi memenuhi tuntutan untuk melaksanakan tugas membiayai keperluan hidup sendiri, keluarga bahkan untuk membangunkan ummah.

Walaupun begitu, umat Islam seharusnya sedar bahawa nikmat kurniaan Allah SWT dalam memiliki harta merupakan suatu amanah yang perlu ditadbir dan dibelanjakan dengan sebaiknya mengikut ketentuan syarak. Hal ini kerana Allah SWT merupakan pemilik hakiki seluruh harta dan kekayaan di alam semesta ini dalam apa jua bentuk, jenis dan isi kandungannya (Yazid Ahmad & Ibnor Azli 2006).

Kemampuan manusia berbeza-beza untuk menguruskan sesuatu perkara termasuklah harta yang diperolehinya. Ia berdasarkan keupayaan fizikal dan mental seseorang untuk menguruskan harta tersebut supaya harta itu dapat digunakan secara baik dan sistematik mengikut skop peredaran harta yang betul. Kanak-kanak merupakan antara golongan yang lemah fizikal dan mentalnya. Mereka tidak mampu berfikir dengan waras (al-Sharbini 1994) dan tahap pemikiran mereka agak terbatas lebih-lebih lagi bagi kanak-kanak yang belum mencapai mumaiyyiz (Hasbalah Thaib 1992). Mereka tidak dapat memikirkan manfaat atau risiko yang akan diperoleh pada masa akan datang. Dalam kehidupan mereka hanyalah memfokuskan terhadap perkara yang memberi keseronokan. Oleh itu, dalam pengurusan harta kanak-kanak hendaklah dipegang dan ditadbir oleh golongan yang betul-betul cekap, layak dan berautoriti dalam mengendalikan harta mereka.

Dalam hal ini, syariat telah meletakkan beberapa syarat untuk melayakkan seseorang menguruskan hartanya dan bukanlah semata-mata untuk menyekat kebebasannya, sebaliknya adalah bagi menjaga kemaslahatan dan hartanya daripada dipergunakan atau diselewengkan oleh pihak lain. Sebagai contoh, jika seseorang kanak-kanak kecil dibenarkan melakukan akad *tabarru'*, sudah pasti ia mudah terdedah kepada unsur penipuan kerana tahap pemikirannya yang masih lemah. Dengan menghulurkan makanan seperti gula-gula dan barang mainan, dia sanggup menghibahkan sebidang tanah atau seumpamanya (Zaini Yahaya & Adib Samsudin 2006).

Oleh itu, Islam tidak mengizinkan perkara seumpama tersebut berlaku demi menjaga kebajikan dan kemaslahatannya walaupun dengan persetujuan wali atau wasi yang mungkin memiliki kepentingan tertentu jika hartanya dihibahkan kepada orang lain. Hak-hak mereka

masih perlu dilindungi oleh wali atau wasi yang berotoritas agar tidak dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab memandangkan mereka masih di peringkat yang lemah. Perkara ini adalah bagi melindungi harta kanak-kanak daripada sebarang bentuk penyelewengan. Mereka juga memerlukan seorang wakil untuk menguruskan harta mereka agar harta yang mereka peroleh dapat digunakan dengan sebaik mungkin dan bermanfaat untuk mereka.

Sesungguhnya, Islam mengakui dan mengiktiraf pemilikan harta seseorang individu berdasarkan ketetapan syarak namun Islam telah menggariskan lunas-lunas tertentu agar harta yang dimiliki manusia dapat diuruskan dengan cara yang betul, cekap dan berhemat (Md Yazid & Hayatullah 2010). Justeru, pengurusan harta kanak-kanak menurut perspektif syarak adalah suatu yang signifikan untuk dibincangkan dalam artikel ini.

Konsep Asas Pengurusan Harta Kanak-kanak Menurut Syarak

Pengurusan ditakrifkan sebagai satu proses yang melibatkan perancangan, penyusunan, pengarahan, pengorganisasian dan juga kawalan (Juhary Ali & Ishak Ismail 2001; Jaafar Muhamad 2003). Oleh itu, pengurusan harta yang baik amat penting bagi menjamin harta agar beredar dan bergerak cergas dalam pelbagai sektor kehidupan untuk penggunaan yang luas dan menyeluruh. Individu yang sihat fizikal dan mentalnya mampu mengurus dirinya sendiri dan mampu mentadbir dan menjaga hartanya dengan baik. Walaupun demikian, terdapat juga golongan yang lemah mental dan fizikalnya. Golongan ini tidak berkemampuan mengurus diri apatah lagi harta yang mereka peroleh. Mereka ini dipanggil *mahjur 'alayh*.

Terminologi

Mahjur menurut bahasa ialah terhalang atau tercegah, manakala menurut syarak pula ialah pencegahan daripada menguruskan kewangan (al-Sharbini 1994). Menurut 'Ali 'Abdul Rahman (2010), *mahjur* adalah tegahan daripada menguruskan sesuatu perkara disebabkan perkara tertentu. Oleh itu, daripada takrif di atas, *mahjur* adalah cegahan bagi seseorang untuk menguruskan hartanya kerana adanya perkara-perkara tertentu yang mengharuskan adanya pencegahan. Hal ini berkemungkinan mereka kecil, lemah jasmani rohani, gila dan bodoh, sakit tenat dan sebagainya.

Imam Syafie menerangkan bahawa kebodohan itu apabila mensia-siakan sesuatu dan kelemahan pula datang daripada kanak-kanak kecil. Golongan ini tidak mampu berfikir dengan waras dan mereka perlu diwakili oleh ibu bapa mereka untuk menguruskan harta-harta mereka (al-Sharbini 1994). Sekiranya harta yang mereka miliki tidak digunakan dengan sebaiknya, ia boleh memudaratkan mereka dan harta yang mereka miliki digunakan pada jalan yang tidak sepatutnya. Seterusnya, ulama *fiqh* membahaskan golongan yang termasuk dalam kategori *mahjur alaih*. Kebanyakan ulama mengatakan golongan ini terdiri daripada enam kumpulan iaitu kanak-kanak yang masih kecil, orang gila, *safih* iaitu golongan yang lemah akalunya, mufliis, orang yang sakit dan hamba (al-Sharbini t.th). Selain itu, golongan *mahjur alaih* juga terdiri daripada wanita yang sedang bersuami, orang yang sedang menggadaikan barang dan orang yang murtad (Idris Ahmad 1983).

Berdasarkan golongan-golongan di atas, kanak-kanak merupakan antara individu yang tidak mampu mengurus diri dan harta mereka. Golongan ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Sifat tolong-menolong perlu wujud dalam diri setiap mukmin agar insan yang lemah seperti kanak-kanak ini dapat bergantung pada golongan yang lebih berkelayakan termasuklah perkara yang berkaitan dengan pengurusan harta.

Asas Pensyariatatan

Islam mengiktiraf harta pemilikan individu termasuklah kanak-kanak yang masih kecil. Walaupun mereka termasuk dalam golongan yang lemah namun Allah SWT telah memerintahkan ke atas wali dan wasi yang adil mentadbir dan menguruskan harta mereka sehingga mereka benar-benar layak menguruskan harta mereka sendiri. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 5, Maksudnya: Dan janganlah kamu serahkan kepada orang yang belum sempurna akal nya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaan) kamu.

Ayat di atas secara kontekstualnya menunjukkan bahawa Allah SWT melarang golongan yang belum sempurna akal nya melakukan *tasarruf* iaitu menggunakan harta yang diberikan oleh Allah SWT kepadanya. Sebaliknya, wali atau wasi yang berhak menguruskan harta kanak-kanak bagi menjaga kebajikan mereka. Hal ini kerana mereka belum memahami cara penggunaan harta yang betul dan dikhuatiri harta tersebut hilang disalahgunakan.

Seterusnya, perkataan *safih* dalam ayat di atas bermaksud larangan kepada kanak-kanak mengurus harta kerana dikhuatiri melakukan perkara yang sia-sia dan mendatangkan kerugian disebabkan kanak-kanak tersebut masih kecil serta tidak dapat membezakan antara baik dan buruk (Ibn Kathir 1999). Oleh itu, wali atau wasi yang jujur dan amanah perlu dilantik bagi membantu menguruskan harta kanak-kanak ini.

Diskusi Kelayakan (*Ahliyyah*) Kanak-kanak dalam Pengurusan Harta

al-Ahliyyah dari segi bahasa ialah kelayakan atau keahlian. Menurut istilah syarak pula ialah kelayakan individu bagi menyabitkan hak yang disyariatkan ke atasnya atau kewajipan ke atasnya serta sihat dan sah sesuatu *tasarruf* daripadanya (al-Zuhaili 1986). Manakala menurut Zaydan (1999), *al-ahliyyah* bermaksud kelayakan seseorang untuk menerima segala hak dan tanggungjawab yang disyariatkan kepadanya. Ertinya seseorang itu berupaya menanggung hak-hak orang lain, menerima hak-hak atas orang lain dan mampu untuk melaksanakannya. Dengan demikian, kemampuan itu mengandungi dua bahagian iaitu *ahliyyat al-wujub* dan *ahliyyat al-ada'* (al-Zuhaili 1986; Abu Zahrah 1997).

Ahliyyat al-Wujub

Ahliyyat al-wujub ialah kelayakan manusia dibebani hak yang disyariatkan untuknya dan yang diwajibkan kepadanya (al-Zuhaili 1986). Kelayakan ini wujud berdasarkan statusnya sebagai manusia sama ada dewasa, kanak-kanak, mumayyiz atau belum mumayyiz, lelaki atau perempuan. Begitu juga sekiranya ia seorang merdeka atau masih kanak-kanak. Manusia yang

tergolong dalam golongan ini bertanggungjawab melaksanakan tuntutan syarak ke atasnya sehinggalah dia meninggal dunia. Menurut Hanafiyah status ini kekal sehinggakan hutang dan wasiat tetap perlu ditunaikan walaupun telah meninggal dunia (Abu Zahrah 1997).

Menurut ‘Aliy Hasb Allah (1959), *ahliyyat al-wujub* terdiri daripada dua jenis iaitu *ahliyyat al-wujub al-naqisah* dan *ahliyyat al-wujub al-kamilah*. *Ahliyyat al-wujub al-naqisah* merupakan keupayaan seseorang manusia untuk menerima hak syarak ke atasnya sahaja seperti janin di dalam kandungan ibunya yang memiliki hak pewarisan, wasiat dan wakaf, namun tidak berkewajipan menanggung tuntutan syarak ke atas hak tersebut. *Ahliyyat al-wujub al-kamilah* merupakan kelayakan yang ditetapkan baginya dan diwajibkan ke atasnya untuk menanggung tanggungjawab tersebut (al-Zuhaili 1995). Ini meliputi semua golongan manusia yang baru dilahirkan sehinggalah ia meninggal dunia selama mana ia masih bernafas. Mereka memiliki hak untuk mewarisi, diwarisi dan diwajibkan nafkah dari harta mereka serta tuntutan-tuntutan syarak yang lain sebagai manusia sempurna. Sebagai contoh anak yang baru dilahirkan berhak menerima warisan dari orang tua atau kerabatnya dan berkewajipan ke atasnya zakat fitrah atau zakat harta menurut sebahagian pendapat ulama yang pelaksanaannya dilakukan oleh orang tua atau walinya (Amir Syarifuddin 1997).

Walaupun begitu, *ahliyyat al-wujub* mempunyai tahap yang sesuai berdasarkan kepada proses kejadian manusia. Peringkat awalnya, sebagai janin (dalam kandungan) diikuti bayi yang belum mumayyiz, anak-anak yang mumayyiz, seterusnya sebagai orang dewasa. *Ahliyyat al-wujub* di peringkat janin, belum sempurna dan akan menjadi sempurna setelah seseorang itu lahir sebagai manusia (Abu Zahrah 1997).

Ahliyyat al-Ada’

Ahliyyat al-ada’ bermaksud kelayakan seseorang melakukan perbuatan yang diterima syarak dan juga merupakan kelayakan melaksanakan atau menunaikan pengurusan syar’iyyah iaitu pengurusan yang memberi kesan kepada hukum hakam syarak sama ada sah batal atau halal haram (‘Aliy Hasb Allah 1959). Menurut al-Zuhaili (1986) pula, *ahliyyat al-ada’* adalah kelayakan manusia sebagai pihak yang dituntut melaksanakan kewajibannya. Seperti mana perkataan dan perbuatannya juga akan dihitungkan serta menimbulkan pengaruh *syar’inya*. Hal ini bermaksud sekiranya ia melaksanakan sesuatu ibadah maka pelaksanaannya akan dihitungkan dan dapat menggugurkan kewajipan ibadah tersebut. Begitu juga sekiranya ia melakukan kerosakan, maka ia dihukum setimpal mengikut perbuatan yang dilakukannya sama ada hukuman berbentuk fizikal ataupun ganti rugi daripada hartanya. Menurut Zaydan (1999), seseorang insan yang berkelayakan perlu bertanggungjawab di atas setiap perbuatannya. Seterusnya, *ahliyyat al-ada’* dikategorikan kepada dua bahagian iaitu *ahliyyat al-ada’ al-naqisah* dan *ahliyyat al-ada’ al-kamilah* (Zaydan 1999).

Ahliyyat al-ada’ al-naqisah merupakan kelayakan menerima yang sempurna tetapi kelayakan melaksanakan tidak sempurna. Pada peringkat ini, kelayakan melaksanakan sesuatu pengurusan atau tindakan diberikan tetapi tidak kesemuanya boleh dilaksanakan secara bersendirian seperti bermuamalah. Mereka memerlukan orang lain untuk mentadbir dan menguruskan sebahagian urusan mereka. Mereka terdiri daripada golongan mumayyiz (Mahmasaniy 1967).

Mengikut jumhur ulama, kanak-kanak yang berusia tujuh tahun telah dianggap mumayyiz. Kebiasaannya, kanak-kanak di usia ini mencapai tahap mumayyiz kerana telah dapat membezakan sesuatu yang baik dan buruk, makanan, najis serta boleh menguruskan diri sendirinya seperti memakai pakaian sendiri. Orang gila juga dimasukkan di dalam kategori ini. Hal ini kerana golongan ini tidak memiliki akal yang sempurna atau akalnya bermasalah dan terganggu. Dengan itu, golongan ini tidak boleh diletakkan tanggungjawab ke atasnya (Zaydan 2006).

Tasarrufnya terbahagi kepada tiga keadaan berdasarkan manfaat dan kemudharatan yang boleh berlaku iaitu:

1. Akad yang semata-mata memberi kebaikan kepadanya

Muamalah yang memberi manfaat dianggap sah dan berlaku. Al-Ruyani dan al-Jurjani menjelaskan bahawa kanak-kanak boleh menerima hibah. Manakala al-Mawardi pula menjelaskan bahawa kanak-kanak boleh menerima wasiat dan hibah (al-Sharbini 1978). Berdasarkan hal ini, golongan ini boleh menerima hibah, wasiat dan hadiah daripada pihak lain kerana akad jenis ini memberi kebaikan kepadanya dan tidak mendatangkan kemudharatan atau kerugian kepada kanak-kanak tersebut. Penerimaan hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja asalkan mempunyai keupayaan memiliki harta sama ada mukalaf atau bukan mukalaf.

2. Akad yang semata-mata memberi risiko kepadanya

Kanak-kanak yang mumayyiz tidak boleh melakukan beberapa akad *tabarru'* seperti hibah, wakaf, sedekah dan pinjaman (*i'arah*) kerana ia melibatkan pertukaran pemilikan tanpa sebarang *iwad*. Mazhab Hanafi dan Syafie menjelaskan bahawa akad *i'arah* tidak sah dilaksanakan sama ada oleh kanak-kanak atau wali dan wasi. Hal ini adalah untuk menjaga kepentingan kanak-kanak tersebut (al-Sharbini 1994).

3. Akad yang mengandungi andaian kebaikan dan keburukan kepadanya

Akad *tasarruf* dan akad *idarrah* iaitu akad jual beli, sewa, gadaian, *muzara'ah*, *musaqah* dan segala bentuk akad yang mengandungi andaian keuntungan dan kerugian terhadap kanak-kanak mumayyiz sah dilakukan menurut Hanafi sekiranya mendapat keizinan pihak wali atau wasi kanak-kanak tersebut namun, menurut Syafie akad tersebut tidak sah selagi mana kanak-kanak itu belum baligh kerana kanak-kanak tersebut dikategorikan sebagai bukan mukalaf sama seperti belum mumayyiz (Ibn Qudamah 1997). Hal ini adalah untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak itu dari dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (al-Bukhari t.th). Walaupun begitu, Hanafiyyah melarang penggunaan akad ini kerana mereka berpandangan makruh jika kanak-kanak melakukannya, namun akad tersebut tidak batal hanya sekadar fasad sahaja (Zaydan 1999). Jika sesuatu urusan itu mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak, maka akad itu sah seperti menerima hibah atau harta zakat walaupun tanpa izin wali (Zaydan 2006).

Ahliyyat al-ada' al-kamilah ialah kelayakan melaksana yang sempurna iaitu kelayakan seseorang untuk menunaikan tanggungjawab syarak ke atas dirinya apabila mencapai akil

baligh dan berakal. Golongan ini bebas melakukan tindakan mengikut kemahuannya walaupun terdapat risiko yang perlu ditanggungnya. Kelayakan ini diberikan pada peringkat baligh dan *rushd* (Ali Hasbullah 1964). Berdasarkan hal ini, *rushd* merupakan golongan yang sempurna akalunya. Mereka mampu berfikir dengan baik dan dapat membezakan sesuatu tindakan yang baik dan buruk. *Rushd* di sini membawa maksud golongan yang sudah cukup syarat *ahliyyat al-ada' al-kamilah* iaitu telah mencapai tahap baligh dan berakal (Ibn Kathir 2000; al-Zuhayli 1996). Hal ini bermakna, seseorang itu dapat bertindak mengikut keputusan sendiri dan mampu berfikir dengan waras. Mereka ialah golongan manusia dewasa yang normal. Orang gila yang telah dewasa atau baligh tidak termasuk dalam kategori *ahliyyat al-ada' al-kamilah* tetapi ia termasuk dalam kategori *ahliyyat al-ada' al-naqisah* iaitu sama dengan kategori kanak-kanak *mumayyiz*.

[Walaupun begitu, *ahliyyat al-ada'* (naqisah atau kamilah??) merupakan golongan seseorang yang dikenakan taklif. Dengan itu, ia wajib melaksanakan solat, puasa dan sebagainya. Justeru, segala perbuatannya akan disabitkan hukuman seperti membunuh dikenakan qisas, berzina dikenakan hukuman hudud dan mencuri dikenakan hukuman potong]. (perenggang ini tidak difahami dengan jelas)

Berdasarkan penerangan di atas jelas menunjukkan bahawa kelayakan kanak-kanak untuk menerima dan melaksanakan tuntutan syarak sama ada dalam perkara muamalah mahupun ibadah dibahagikan mengikut kategori kanak-kanak iaitu bermula dari peringkat janin dalam kandungan, bayi yang baru dilahirkan, kanak-kanak *mumayyiz* dan kanak-kanak yang telah dewasa.

Walaupun demikian, bagi kanak-kanak yang tidak mampu melaksanakan tuntutan syarak seperti dalam urusan muamalah, peranan wali atau wasi diwujudkan bagi memudahkan urusan mereka. Justeru itu, individu-individu yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat sebagai wali atau wasi sebagaimana yang telah digariskan oleh syarak dalam memikul tanggungjawab atau menunaikan amanah menguruskan harta kanak-kanak (Md Yazid & Ibnor Azli 2002).

Kaedah Pelaksanaan Pengurusan Harta Kanak-kanak

Memberi Perbelanjaan yang Mencukupi

Agama Islam adalah agama yang amat menitik beratkan soal penjagaan anak-anak kecil. Dengan hasil penjagaan yang baik akan menjamin dan menyelamatkan hidup mereka di dunia dan di akhirat kelak. Harta menjadi keperluan utama dan kebanggaan kepada manusia, akan tetapi mampu merosakkan kehidupan jika disalah guna. Oleh itu, ia menjadi tanggungjawab kepada penjaga dalam menguruskan harta anak-anak kecil. Mereka hendaklah memiliki sifat penuh tanggungjawab dan amanah. Perkara ini diakui oleh Rasulullah SAW bahawa menjaga harta anak yang ditinggalkan ibu bapa amatlah sukar dan banyak rintangannya, terutama yang tidak mampu menguruskannya. Melainkan yang diwajibkan menguruskannya terutama dalam kalangan kaum keluarga yang paling dekat seperti datuk, adik beradik, ibu, bapa saudara, ayah tiri, ibu saudara dan saudara-mara yang lain. Ini sebagaimana pesanan Rasulullah SAW kepada sahabat baginda Abu Dharr r.a dalam sabdanya, yang bermaksud: Wahai Dharr ?, sesungguhnya aku melihat kamu dalam keadaan lemah dan aku sungguh mencintai dirimu

seperti aku mencintai diriku sendiri. Janganlah kamu menjadi pemimpin bagi dua orang dan jangan pula kamu mengurus harta anak yatim (Abu Daud. Sunan Abi Daud. Kitab al-Wasaya. Bab Ma Ja a Fi al-Dukhul Fi al-Wasaya. No. 2868).

Harta yang mereka miliki hendaklah dibelanjakan pada jalan yang sepatutnya iaitu berdasarkan keperluan-keperluan mereka yang terdiri daripada makan minum, pakaian, tempat tinggal, dan lain-lain lagi yang difikirkan perlu. Seperti mana yang dijelaskan oleh Ibn 'Abidin (1966) dan Ibn Nujaym (1997) dari kalangan fuqahak Hanafi bahawa kewajipan nafkah ke atas anak-anak terdiri daripada makanan, pakaian dan tempat tinggal. Begitu juga keperluan pendidikan, kerana di era globalisasi masa kini, pendidikan juga menjadi suatu keperluan penting untuk anak-anak kecil.

Sebagai penjaga kepada seorang kanak-kanak, menjadi kewajipannya untuk menyediakan keperluan pendidikan kepada mereka lebih-lebih lagi pendidikan agama Islam (Ibn Qayyim 1983). Hal ini kerana pendidikan agama Islam adalah sebahagian daripada ibadah yang dapat mendekatkan diri seseorang kepada Penciptanya. Sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud: Memberi pendidikan adab kepada seseorang anak adalah lebih baik daripada bersedekah secupak (al-Tirmizi. Sunan al-Tirmizi. Kitab al-Birr wa al-Silah. Bab Ma Ja a Fi Adab al-Walad. No. 1951). Oleh itu, sebagaimana kanak-kanak lain yang memiliki keperluan yang cukup dan lengkap, kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa juga berhak mendapat keperluan yang sama supaya menjamin keberlangsungan hidup dan kebahagiaan mereka. Dalam hal ini, syariat Islam telah menggariskan lunas-lunas tertentu yang perlu dipikul oleh penjaga dalam menguruskan harta anak-anak kecil. Justeru itu, tanggungjawab terhadap mereka amatlah penting, agar nasib mereka terbelas dan tidak terbiar, sehingga terpaksa menjadi peminta sedekah, pengemis dan atau gelandangan.

Larangan Penggunaan Harta Secara Berlebihan

Sebagai penjaga diingatkan supaya tidak membelanjakan atau memakan harta kanak-kanak kecil secara boros walaupun untuk kegunaan kanak-kanak itu sendiri. Perbuatan ini seolah-olah mengambil kesempatan dan menzalimi kanak-kanak tersebut. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 10 yang bermaksud; “Sesungguhnya, orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala”.

Walaupun demikian, para ulama berpendapat adalah tidak mengapa sekiranya wali anak yatim memakan harta anak yatim jika dia seorang yang miskin dan memakan dengan cara yang baik setimpal dengan tanggungjawabnya menguruskan dan mengembangkan hartanya. Namun, jika mengambil harta itu melebihi daripada yang sepatutnya, maka itu adalah perbuatan yang haram. Hal ini, bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 6 yang menjelaskan bahawa sesiapa di antara pemelihara itu seorang yang mampu, maka hendaklah dia menahan diri dari memakan harta anak yatim itu dan sekiranya pemelihara itu seorang yang miskin, maka bolehlah dia memakan harta itu dengan cara yang baik”. (tiba-tiba ada penutup kata)

Berdasarkan hal ini, perkara yang dimaksudkan dengan “memakan dengan cara yang baik” terbahagi kepada empat iaitu pertama mengambil harta kanak-kanak tersebut dengan niat sebagai hutang yang akan digantikan semula dengan harta kepunyaannya sendiri. Kedua

mengambil harta tersebut atau memakannya dengan sekadar keperluan dan tidak secara berlebih-lebihan. Ketiga mengambilnya sama nilai dengan upah (yang umum berlaku) seumpama penjaga itu bekerja untuk anak yatim tersebut dan keempat mengambilnya dalam keadaan yang darurat. Maksud di sini jika pada suatu masa nanti, penjaga itu mempunyai harta yang cukup, maka dia akan membayarnya semula, tetapi jika dia tidak mampu, harta yang telah diambilnya itu dikira halal baginya (Ibn al-Jauziy 1965).

Manakala bagi penjaga yang kaya, Islam melarang keras untuk mengambil dan memakan harta anak yatim. Syeikh al-Tantawi (t.th) menyebutkan di dalam tafsirnya bahawa maksud memakan harta anak yatim secara zalim itu sama ada melalui kaedah pewarisan ataupun orang yang dipertanggungjawabkan untuk mengurusnya lalu memakannya dengan cara yang batil. Allah SWT menggunakan kalimah zalim untuk menggambarkan kejelikan yang teramat kepada si pemakan harta kerana kanak-kanak itu dari golongan yang lemah yang mana tidak ada kudrat dan upaya untuk membela diri mereka.

Di samping itu, Islam juga melarang keras kepada penjaga memakan, menggunakan dan mencampurkan harta mereka dengan harta kepunyaan sendiri secara salah. Perbuatan ini adalah berdosa besar. Berdasarkan perintah larangan Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 2 yang bermaksud, “dan janganlah kamu tukar atau gantikan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu kerana sesungguhnya (yang demikian) itu adalah dosa besar”. Harta anak yatim seharusnya wajib dijaga dan dipelihara dengan sebaiknya dan dikembangkannya untuk kegunaan mereka di masa hadapan.

Menyerahkan Harta Setelah Mereka Baligh dan Cerdik

Tanggungjawab menjaga harta anak yatim dilaksanakan sehingga mereka boleh menguruskan harta dan diri mereka sendiri. Disebutkan di dalam al-Quran surah al-Nisa ayat 6, “Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian, jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdas dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya”.

Berdasarkan hal ini, menguji anak-anak yatim itu bukanlah dengan memberi harta tersebut kepada mereka dan bukan dengan melihat kepada akal dan pandangannya, hinggan dia menyangka bahawa dia sudah mampu mengurus harta dengan baik. [Tetapi menguji di sini ialah sebelum mereka sampai kepada perkara agama dan dunia hingga mereka dididik kepada perkara kebaikan dan ketaatan, dan mereka dikabung dengan bimbingan, renungan, tindakan dan jual beli sehingga mereka khayalkan (sukakan) kepada kebaikan.](ayat agak sukar difahami) Maka jika mereka telah sampai waktu nikah (betul-betul matang) dan mereka mampu memanfaatkan seperti yang telah diajarkan, dan mereka berhasil menunjukkan kedewasaan mereka (al-Tabari 1983).

Walaupun demikian, menurut ijmak ulama seperti dijelaskan oleh Ibnu Jarir bahawa sekiranya seseorang itu telah berakal dan bijak dalam menguruskan harta, maka hakim atau wali tidak lagi berhak untuk menahannya daripada menggunakan hartanya sendiri dan dia juga boleh mengambil apa sahaja yang menjadi haknya sekalipun dia telah melakukan perkara yang keji dalam agamanya. Dalam hal ini, tidak semua orang yang fasik itu boleh ditahan hartanya kerana dalam penahanan itu boleh menghilangkan kehormatan seseorang. Sekiranya kefasikan

seseorang itu berkaitan masalah kewangan seperti memboroskan hartanya untuk minum arak dan melacur, maka dia wajib ditahan. Namun, sekiranya kefasikannya itu berkaitan dengan masalah keagamaan seperti berbuka di siang hari pada bulan Ramadan, maka dia tidak harus ditahan (al-Sabuni 1999).

Seterusnya, Allah SWT juga memerintahkan supaya adanya saksi yang menyaksikan penyerahan harta itu kepada kanak-kanak tersebut. Seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 5 yang menjelaskan bahawa, “Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka”. Hal ini demikian bagi mengelakkan berlakunya kezaliman terhadap harta kanak-kanak.

Penunaian Zakat

Kebanyakan ulama telah bersepakat mengatakan wajib dikeluarkan zakat ke atas harta kanak-kanak termasuklah anak yatim, sekiranya cukup haul dan nisab. Manakala tentang syarat yang dikenakan pula, adalah sama seperti syarat-syarat yang dikenakan kepada orang lain (al-Qaradawi 1969). Allah SWT berfirman di dalam surah al-Taubah ayat 103, “Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka”.

Melalui ibadah harta, kanak-kanak juga termasuk dalam kategori penentuan hukum syarak tanpa dikaitkan dengan usia yang muda dan akal yang masih cetek. Walaupun begitu, dalam kalangan mazhab Hanafi, dan ini juga merupakan pandangan Ali r.a dan Ibnu Abbas r.a menyatakan bahawa harta kanak-kanak dan orang gila tidak wajib ditunaikan zakat kerana mereka tidak memiliki keupayaan untuk berfikir dengan waras melainkan zakat tanaman dan buah-buahan sahaja kerana zakat merupakan perkara ibadah dan hendaklah dilaksanakan oleh wali atau penjaganya (al-Qaradawi 1969). Seterusnya, dalam keadaan yang lain pula, Allah SWT memerintahkan penjaga supaya berusaha mengembangkan harta mereka dengan cara berniaga atau apa-apa yang boleh memberikan keuntungan kerana dibimbangi harta itu akan berkurangan disebabkan zakat.

Sementara itu, bagi orang-orang yang kaya dan berkemampuan hendaklah mentaati perintah Allah SWT dengan mengeluarkan zakat dan dibahagi-bahagikan kepada orang-orang fakir atau golongan yang memerlukan dan perbuatan ini sudah semestinya terselit banyak kebaikan, selain mengeratkan lagi hubungan persaudaraan sesama Islam dan wujudnya sifat tolong menolong antara mereka yang memerlukan. Oleh itu, sekiranya anak yatim tergolong daripada kalangan yang miskin, maka mereka berhak untuk mendapat zakat kerana telah ditetapkan oleh Allah SWT dari kalangan asnaf yang lapan.

Kesimpulan

Berdasarkan keterangan di atas, akibat ketidakupayaan kanak-kanak mengurus dan mentadbir harta, penjaga harta dilantik sebagai pemegang amanah atau wasi demi memeliharanya sehingga mereka mencapai usia yang ditetapkan. Namun begitu, sekiranya seseorang kanak-

kanak itu telah baligh tetapi masih belum mencapai tahap kematangan (*al-rushd*), maka perwaliannya hendaklah diteruskan dan sekiranya kanak-kanak itu telah berumur enam belas tahun? dan telah bekerja, maka dia bebas mengendalikan hartanya sendiri. Pihak yang diberi kuasa sebagai penjaga kanak-kanak iaitu wali atau wasi tidak boleh berbuat sesuka hati kepada harta tersebut dan menggunakan amanah itu sewenang-wenangnya. Harta tersebut tidak boleh dihabiskan, dijual atau tidak diperlakukan perkara-perkara yang seumpamanya? jika tidak benar-benar diperlukan bagi faedah kanak-kanak. Sebagai penjaga haruslah memberi perbelanjaan yang mencukupi, menggunakan harta secara tidak berlebihan, menyerahkan harta setelah mereka baligh dan cerdik serta mengeluarkan zakat dari harta-harta mereka.

Seterusnya, harta-harta mereka harus dikembangkan dengan cara yang sepatutnya seperti berniaga atau apa-apa usaha yang boleh memberi keuntungan kerana dibimbangi harta tersebut akan berkurangan dimakan zakat. Sesungguhnya, syariat Islam merupakan sistem *rabbani* yang mengatur seluruh kehidupan manusia. Syariat yang menetapkan syarat untuk melayakkan seseorang mengurus dan mentadbir hartanya bukan untuk menyekat kebebasannya sebaliknya untuk menjaga kemaslahatannya dan hartanya daripada diperguna dan diselewengkan oleh orang lain.

Rujukan

al-Qur'an al-Karim.

Abu Dawud, Sulayman Ibn al-Ash`ath al-Azdi al-Sijistani. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Jil. 4.

Damasyik: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Abu Zahrah, Muhammad. 1997. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr.

'Ali, Hasb Allah. 1959. *Usul al-Tashri' al-Islami*. Cet. 2. Misr: Dar al-Ma'arif.

'Ali, Hasb Allah. 1964. *Usul al-Tasyri' al-Islami*. Cet. k 3. Mesir: Dar al-Ma'arif.

Amir Syarifuddin. 1997. *Usul Fiqh*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.

al-Bukhari, Ala' al-Din Abd al-Aziz bin Ahmad. T.th. *Kashf al-'Asrar an Usul Fakhr al-Islam al-Bazdawi*. Jil. 4. Bayrut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Harian Metro. 2011. 4 November. *Peralat anak yatim*.

Hasbalah Thaib. 1992. *Hukum Benda Menurut Islam*. Medan: Universitas Dharmawangsa. Ibn

Kathir. 'Imanuddin Abu al-Fida' Ismail Ibn Kathir. 2000. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jil.

3. Kaherah: Maktabah Awlad.

Ibn Nujaym. Zayn al-Din bin Ibrahim. 1997. *al-Bahr al-Raiq Sharh Kanz al-Daqaiq*. Jil. 4.

Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn 'Abidin. Muhammad Amin. 1966. *Hashiyat Radd al-Muhtar*. Jil. 3. Cet. 2. Kaherah: Dar al-Fikr.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudamah. 1997. *al-Mughni wa al-*

Sharh al-Kabir 'ala Matn al-Muqni'. Jil. 4. Bayrut: Dar al-Fikr

Ibn al-Jawzi, Abi al-Farash 'Abd al-Rahman. 1965. *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*. Jil. 2.

Bayrut. Al-Maktab al-Islami.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail ibn 'Umar al-Qurayshi al-Damashqi 'Imanuddin. 1999. *Tafsir*

Ibn Kathir. Ed. 2. Bayrut: Dar Tayyibah.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad Ibn Abi Bakr. 1983. *Tuhfat al-Mawdud bi Ahkam al-Mawlad*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Idris Ahmad S.H. 1983. *Fiqh al-Syafi'i: Fiqh Menurut Mazhab Syafi'i*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Jaafar Muhamad. 2003. *Asas Pengurusan*. Ed.3. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Juhary Ali & Ishak Ismail. 2001. *Prinsip dan Amalan Pengurusan*. Ed. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahmasani, Subhi. 1967. *al-Nazariyyah al-'Ammah lil Mujibat wa al-'Uqud fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Md Yazid Ahmad & Ubnor Azli Ibrahim. 2002. Amalan penamaan harta orang Islam di Malaysia: satu tinjauan ringkas menurut Syariah Islamiah. *Jurnal Pengajian Umum* 3: 63-80.
- Md Yazid Ahmad & Hayatullah Laluddin. 2010. Pengurusan harta pusaka: Permasalahan sikap masyarakat Islam di Malaysia dan penyelesaiannya menurut perspektif Islam. *Shariah Law Reports* 4: 30-54.
- Mohammad Zaini Yahaya & Muhammad Adib Samsuddin. 2006. al-Ahliyyah (Kelayakan) dalam Pengurusan Harta. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalikah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad & Mohammad Zaini Yahaya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 15-25.
- Muhammad 'Ali Bin 'Abd al-Rahman. 2010. *Lubb al-Lubab fi Ta'lim Fiqh al-Imam al-Shafi'i lil Ahabab*. Dar al-Fathi li al-Dirasah wa al-Nashr.
- Muhammad Sayyid Tantawi. t.th. *Tafsir al-Wasit*. Jil. 3. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1969. *Fiqh al-Zakah*. Bayrut: Dar al-Irshad.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2001. *Fiqh al-Zakah*. Cet. 7. Bayrut: Muassasat al-Risalah.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. 1999. *Tafsir al-Ahkam min al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. 1994M/1415H. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani alFaz al-Manhaj*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- al-Sharbini. Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. t.th. *al-Iqna' fi Hal al-Faz Abi Shuja'*. Jil. 2. Bayrut, Lubnan: Dar al-'Ilmiyyah.
- al-Tabari, 'Imad al-Din bin Muhammad al-Tabari. 1983M/ 1403H. *Ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa Bin Surah. 1996M/ 1417H. *Sunan al-Tirmidhi*. al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif
- Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. 2006. Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil: Satu Tinjauan. *Jurnal Pengajian Umum* 7: 99-114.
- Zaydan, Abd al-Karim. 1999M/1420H. *al-Madkhal li Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Cet. 16. Bayrut: Muassasat al-Risalah.
- Zaydan, Abd al-Karim. 2006. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Bayrut: al-Risalah.
- al-Zuhaili, Wahbah. 1986M/1406H. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1995. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Cet 2. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1996. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jil. 4. Damsyik: Dar al-Fikr.